



**TEKS**

**KHUTBAH**

**NEGERI PAHANG**

**MEI 2026**



## PANGGILAN HAJI

08 MEI 2026M | 20 ZULKAEDAH 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَأَتَمُّوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلَّهِ،

نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ

أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ

وَرَسُولَهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Bertakwalah kepada Allah ﷻ dengan sebenar-benar takwa, laksanakan segala perintah-Nya, dan tinggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah ﷻ di dunia dan akhirat.



## Sidang Jumaat yang dirahmati Allah ﷺ,

Pada detik ini, sebahagian umat Islam di seluruh dunia yang diberi peluang menjadi tetamu Allah ﷻ sedang bergerak menuju ke tanah suci Mekah untuk menunaikan kewajipan ibadat Haji. Sesungguhnya mereka adalah manusia yang bertuah kerana menjadi tetamu Allah ﷻ.

Pada masa yang sama marilah kita berazam dan berdoa agar Allah ﷻ memberi kesempatan yang sama untuk menunaikan ibadat haji yang merupakan salah satu rukun Islam yang lima, yang wajib dilaksanakan oleh setiap muslim yang berkemampuan. Firman Allah ﷻ dalam surah Ali-Imran ayat 97:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَلَلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا

**Yang bermaksud:** *“Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat Haji dengan mengunjungi Baitullah iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya.”*

Ganjaran pahala melaksanakan ibadat haji adalah amat besar. Rasulullah ﷺ bersabda dalam hadis riwayat Imam al-Bukhari:



الْعُمْرَةُ إِلَى الْعُمْرَةِ كَفَّارَةٌ لِمَا بَيْنَهُمَا، وَالْحَجُّ الْمَبْرُورُ لَيْسَ لَهُ جَزَاءٌ إِلَّا الْجَنَّةُ

**Yang bermaksud:** *“Ibadah umrah kepada umrah berikutnya adalah kaffarah (penghapusan dosa) di antara kedua-duanya. Dan haji yang mabrur tiada balasan (bagi pelakunya) melainkan syurga.”*

Marilah kita mengambil peringatan daripada kata-kata Imam al-Nawawi yang bermaksud:

*“Sesiapa yang melewati haji (dalam keadaan dia mampu) kemudian dia meninggal dunia, jelaslah bahawa dia mati dalam keadaan berdosa disebabkan oleh kecuaiannya.”*

Pada masa yang sama, kaum muslimin hendaklah berusaha untuk menjaga kesihatan bagi melayakkan menunaikan haji. Antara kriteria yang membolehkan mendapatkan visa haji ialah indeks jisim badan (BMI) yang bersesuaian, penyakit kencing manis yang terkawal, masalah buah pinggang dan darah tinggi yang tidak serius dan lain-lain.

Walaupun begitu, dalam keghairahan untuk mendapatkan panggilan haji, berhati-hatilah dengan penipuan tawaran haji oleh mereka yang tidak bertanggungjawab dengan menjanjikan visa dan pakej haji yang tidak dipastikan kebenarannya. Rujuklah senarai syarikat Pengelola Jemaah Haji berlesen oleh Tabung Haji bagi memastikan kesahihan tawaran tersebut kerana keupayaan mendapatkan visa haji telah menjadi salah satu syarat kemampuan menunaikan haji.

### **Sidang Jumaat yang berbahagia,**

Sesungguhnya musafir menunaikan haji mempunyai banyak kelebihan. Ianya akan terpahat dalam ingatan seseorang itu sehingga ke



akhir hayatnya. Firman Allah ﷻ berkenaan manfaat ibadat haji dalam surah al-Haj ayat 28:

لِيَشْهَدُوا مَنَافِعَ لَهُمْ وَيَذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ فِي أَيَّامٍ مَّعْلُومَاتٍ


**Yang bermaksud:** “(Melaksanakan ibadat haji adalah) supaya mereka menyaksikan berbagai perkara yang mendatangkan faedah kepada mereka serta memperingati dan menyebut nama Allah, pada hari-hari yang tertentu.”


Ibadat haji membawa seseorang muslim berada dalam suasana pengabdian kepada Allah ﷻ sepanjang masa. Ketika melaksanakan ibadat haji, pelaksanaan wukuf, tawaf, saie, melontar jamrah, bertahallul dan lain-lain ibadat semata-mata mengikut perintah Allah ﷻ.

Penumpuan jemaah haji di sana hanya ibadat dan meninggalkan jauh fikiran dan amalan kehidupan duniawi. Harta benda dan kaum keluarga bukan lagi menjadi tumpuan. Ketika itu semua perkara diserahkan kepada Allah ﷻ sebagai bukti cinta dan kasih hanya kepada-Nya. Sabda Rasulullah ﷺ menjelaskan kelebihan wukuf di Arafah dalam hadis riwayat Ibnu Hibban yang bermaksud:

”Tiada hari yang paling baik di sisi Allah ﷻ melainkan Hari Arafah. Allah ﷻ bermegah-megah kepada penduduk langit kerana amalan penduduk dunia, Lalu berfirman: “Lihatlah kepada hamba-Ku, mereka berkumpul kepada-Ku dalam keadaan penuh debu dan kusut, mereka datang dari semua penjuru yang jauh, mereka mengharapkan rahmat-Ku, dan tidak memandang kepada azab-Ku, Maka hari yang lebih banyak pelepasan daripada api neraka-Ku ialah hari Arafah.”



Imam Nawawi  menggariskan banyak perkara mengenai persiapan bakal-bakal haji antaranya:

Pertama, bertaubatlah kepada Allah  daripada semua dosa. Semoga mereka datang ke Kota Mekah dengan keadaan tanpa dosa.

Kedua, belajarlah cara melaksanakan ibadat haji agar ibadat diterima oleh Allah.


Ketiga, bertolak ansur dan saling memaafkan ketika di tanah suci dan elakkan banyak berdebat dan bercakap perkara yang sia-sia.

Keempat, banyakkkan membaca al-Quran, zikir, solat dan tawaf di tanah suci.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah ,**

Sebagai kesimpulan khutbah pada hari ini, marilah kita menghayati perkara-perkara berikut:

Pertama, haji merupakan salah satu kewajipan yang mesti ditunaikan oleh umat Islam yang berkemampuan.

Kedua, Jemaah haji hendaklah menjadikan keberadaan di Tanah Suci untuk beribadat kepada Allah  semata-mata dan jauhilah perkara-perkara yang melalaikan.



Ketiga, kepada bakal haji hendaklah memperbanyakkan taubat, mengulangkaji ilmu haji dan menghiasi diri dengan sifat-sifat mahmudah.

Keempat, setiap individu muslim wajib menanam azam dan berdoa bersungguh-sungguh agar dapat menunaikan ibadat haji pada masa hadapan.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَذِّنْ فِي النَّاسِ بِالْحَجِّ يَأْتُوكَ رِجَالًا وَعَلَىٰ كُلِّ ضَامِرٍ يَأْتِينَ مِنْ كُلِّ  
فَجٍّ عَمِيقٍ

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.